KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	23.03.22	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPSM			

Spesies burung Enggang tarikan baharu ke Taman Negara

SELEPAS dua tahun 'suram' dengan aktiviti pelancongan, kini Taman Negara, Kuala Tahan bakal dibanjiri pelancong luar apabila sebuah lagi destinasi baharu diperkenalkan, iaitu Lembah Enggang Tembeling berdekatan Kampung Kuala Tahan dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Tahan, Mohd Zakhwan Ahmad Badarddin yang mewakili Ahli Parlimen Jerantut, Datuk Ahmad Nazlan Idris ketika merasmikan program Taman Negara Birds Count (TNBC) mengisytiharkan kawasan itu sebagai destinasi baharu bagi pelancong dan peminat burung liar dari seluruh dunia.

Menurut Mohd Zakwan, lokasi Lembah Enggang Tembeling mengambil sempena burung Enggang antara spesies yang menjadi habitat di situ selain 230 burung liar hutan tropika yang masih dipulihara dan bakal menjadi pusat konservasi unggas berkenaan di daerah ini.

"Penganjuran TNBC oleh Birds Group Taman Negara, Komuniti Kampung Kuala Tahan, Ecotourism & Conservation Society of Malaysia (ECOMY) dan Kolej Komuniti Jerantut amat wajar untuk menarik semula pelancong ke sini. Diharap ahli komuniti di sini dapat bekerjasama menjaga alam sekitar bagi mengekalkan habitat burung liar di lembah ini," katanya di Kampung Kuala Tahan, Jerantut, Pahang baru-baru ini.

■ MOHD ZAKHWAN Ahmad Badarddin (kanan) mewarnakan lukisan burung Enggang sebagai gimik penutupan program Taman Negara Birds Count di Kuala Tahan, Jerantut, Pahang baru-baru ini. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

